



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/10/2012

Tony Pua hina Dr. Mahathir, anggap nyanyuk

UM - 9/10/12

KUALA LUMPUR 8 Okt. - Ketua Publisiti DAP, Tony Pua (**gambar**) hari ini dengan nada sombong menghina bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai nyanyuk dan tidak relevan.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara dari DAP itu membuat kenyataan berkenaan sebagai menengulas kenyataan negarawan tersebut dalam sebuah akhbar semalam yang menyifatkan memberi undi kepada pakatan pembangkang sama seperti mengundi

George Soros iaitu penyagak mata wang yang kejam.

"Saya tidak ingin melibatkan Perdana Menteri lalu kerana dia tidak lagi relevan dalam politik kini tetapi kata-kata yang dibuat Tun Dr. Mahathir itu adalah kata-kata yang saya rasa seorang yang telah nyanyuk," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.



Semalam, bekas Perdana Menteri itu menegaskan Soros menggunakan wang untuk meletakkan calon pilihannya bagi memerintah negara-negara yang disasarkan sebagaimana yang dilakukan melalui Open Society Institute dalam menukar pemerintah di Georgia.

Sebelum ini, Suara Rakyat Malaysia (Suaram) didakwa mene-

rima sumbangan daripada Open Society Institute dan turut dipersoalkan adalah pembiayaan Soros terhadap *Malaysiakini*, sebuah portal berita propembangkang.

Pua bagaimanapun menafikan sebarang penglibatan pakatan pembangkang dengan penyagak mata wang Yahudi itu dan beliau turut memberitahu pembangkang sentiasa menyokong perjuangan rakyat Palestin ke atas (kekejaman) rejim Zionis.

Dalam sidang akhbar itu, Pua juga mempersoalkan usaha Dr. Mahathir sebelum ini yang menyarankan Soros menyokong Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) dalam kempen menjadikan Perang Adalah Jenayah.

"Beliau (Mahathir) hanya mencemarkan nama baik dia sendiri, apa yang masih tertinggal dan mengurangkan persepsi baik antara kalangan orang ramai terhadap beliau di dalam tahun-tahun terakhir ini," katanya.